

30 AUG 2000

Mahathir-Beban

BEBAN MAJUKAN NEGARA PADA BELIA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan belia tentang beban yang mereka harus tanggung untuk memajukan Malaysia ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 dan meminta mereka membuat segala persiapan.

Perdana Menteri berkata generasi akan datang tidak boleh alpa dan mereka tidak boleh mengharapkan kepada orang lain untuk memajukan negara sendiri.

"Kita tidak akan capai matlamat dengan hanya menyebut dan melaung-laungkan perkara itu. Kita perlu bersiap sedia diri kita supaya kita mampu berusaha mengembalikan maruah dan kehormatan bangsa dan negara kita," katanya ketika berucap pada Program Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan anjuran Pemuda Umno di Dataran Putra di sini petang ini.

Dr Mahathir yakin Pemuda Umno mampu untuk menanggung beban memajukan negara dan meminta mereka menjadi contoh kepada pemuda lain di negara ini.

Usaha memajukan negara memerlukan perancangan dan disiplin yang tinggi dan Pemuda Umno bertanggungjawab untuk menunjukkan apa ertinya disiplin itu, katanya.

Perdana Menteri berkata pemuda adalah pewaris negara ini kerana generasi tua tidak mungkin berada selama-lamanya menongkat langit.

"Sebelum kami pergi, kami nak tahu bahawa pemuda sudah menyediakan diri untuk mengambil alih tanggungjawab yang berat ini," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini mampu memajukan negara dengan wangnya sendiri termasuk membina pusat pentadbiran baru Putrajaya.

Katanya Putrajaya dibangunkan bukan untuk generasi dan pemimpin hari ini tetapi untuk pemimpin dan generasi masa akan datang.

"Putrajaya dibina keranamu pemuda," katanya sambil disambut tepukan gemuruh anggota Pemuda Umno.

Tema sambutan Hari Kebangsaan ke-43 esok ialah "Keranamu Malaysia".

Dr Mahathir berkata Putrajaya menjadi lambang kemajuan negara dan ia mesti terus dipertingkatkan sepanjang masa.

Beliau juga berkata tidak ada sebab kenapa Malaysia tidak boleh menjadi negara maju menjelang tahun 2020 kerana banyak negara lebih kecil mampu maju dan mendapat tempat dalam arena antarabangsa.

Katanya dunia sekarang mengakui bahawa Malaysia telah maju lebih pantas daripada negara-negara yang mencapai kemerdekaan bersama atau sebelumnya.

Malaysia telah diakui mampu mentadbir dan mampu melawan usaha untuk menguasai dan menjajah semula negara ini.

Perdana Menteri berasa sedih dengan kata-kata bahawa orang Melayu dan orang Islam tidak boleh maju seperti bangsa Eropah sedangkan orang Eropah juga adalah manusia seperti manusia yang lain.

"Apa mereka boleh buat, kita boleh buat, dan kita boleh buat lebih daripada mereka. Sebab itu kita dapat tangkis usaha mereka untuk menjajah kita semula melalui tekanan ekonomi dan kewangan," katanya.

Pada penghujung ucapannya, Dr Mahathir tidak dapat menahan emosinya daripada perasaan sebak dan terpaksa berhenti seketika sebelum meneruskan dan menamatkan ucapannya.

"Inilah warisan pemuda, jagalah baik-baik warisan ini, kerana ini adalah negara kita bersama dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara dan mempertahankan negara kita kerana tidak ada negara lain bagi kita," katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata beliau amat

terharu dengan pesanan Dr Mahathir.

"Sesungguhnya harapan negara kita berada di atas bahu dan kepala golongan muda dan sekiranya mereka berwibawa, bertanggungjawab, amanah, jujur dan ikhlas dalam apa yang mereka lakukan, masa depan negara kita akan terbela," katanya.

Bagaimanapun jika mereka terikut-ikut dengan golongan yang tidak bertanggungjawab dan terikut dengan mereka yang berpolitik untuk kepentingan tertentu, beliau bimbang tentang nasib generasi akan datang yang akan dipimpin oleh mereka.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan mengingatkan semua pihak supaya tidak mempermainkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkauman dan keagamaan di negara ini.

Pada majlis berasingan sebelumnya Dr Mahathir menerima kad-kad ucapan Selamat Hari Kebangsaan daripada 10 kumpulan termasuk pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta persatuan sukarela dan kebajikan.

Kumpulan-kumpulan itu ialah pelajar Kolej Yayasan Saad, Melaka, Kolej Tunku Kursiah, Seremban, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia, jawatankuasa Masjid Al-Ubudiah, Ampang Tasik dan Persatuan Bekas Tentera Malaysia.

Yang lain ialah Persatuan Belia Sri Ramun, Johor Baharu, Yayasan Seniman India, Kuala Lumpur, Pusat Khidmat Komuniti untuk Orang-orang Pekak, Ampang, Sekolah Menengah Kebangsaan Pendeta Zaaba dan Sekolah Alam Shah, Cheras.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menurunkan cap tapak tangan pada sebidang kain yang disediakan oleh "Malaysia Book of Records" bagi mengiktiraf rekod satu kain rentang cap tapak tangan yang terpanjang di Malaysia.

Kain rentang bertajuk "Addicted 2 Life" sepanjang 2.4 km (2,348.4 meter) itu mengandungi 10,000 cap tapak tangan dalam pelbagai warna oleh belia-belia Malaysia termasuk pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi selain warga korporat di Lembah Klang.

-- BERNAMA  
AFY AFY MAI